

Keunikan MedicSPA

MedicSPA ialah sistem 3-dalam-1 yang menggabungkan penemuan penyelidikan perubatan alternatif terkini ke dalam hidroterapi tradisional. Ketiga-tiga ciri disenaraikan di bawah dan kegunaan perubatan bagi setiap ciri diterangkan secara ringkas:

1. **Ultrasonik.** Sistem ini menggabungkan prinsipal yang sama seperti mandian kolam air panas di Jepun. Kolam air panas yang mempunyai ciri terapeutic semulajadi memang terkenal dengan penghasilan jutaan buih yang berlanggaran antara satu sama lain dan kemudiannya berpecah. Perpecahan ini menghasilkan gelombang ultrasonik yang menembusi kulit kita. Penyerapan ultrasonik oleh tulang-tulang dalam tubuh kita adalah lebih tinggi berbanding pada daging sebanyak 13%. Penyerapan ini memberi kesan pemanasan dalaman kepada tulang-tulang, menggalakkan penghasilan sumsum tulang, memperbaiki peredaran darah, meningkatkan sistem imun dan membantu menentang pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh masalah peredaran darah yang kurang baik.
2. **Ozon & ion-ion negatif.** Sistem ini menyedut dan menukarkan udara kepada udara yang kaya dengan ozon sebelum mengepam keluar 46 liter per saat udara tersebut melalui hampan tenaga. Mandian buih MedicSPA seumpama mandi di air terjun yang mana udaranya penuh dengan ion-ion negatif. Ozon telah lama digunakan dalam proses penulenan air, ianya bertindak sebagai agen pembasmi kuman yang lebih berkuasa dari klorin yang lazimnya digunakan di serata dunia untuk menulenan air. Terapi perubatan menggunakan ozon diiktiraf di Bulgaria, Cuba, Republik Czech, Perancis, German, Israel, Itali, Mexico, Romania dan Rusia. Kini ianya sah digunakan berdasarkan undang-undang di 16 buah negara. Sekurang-kurangnya 12 negeri di USA (AK, AZ, CO, GA, MN, NY, NC, OH, OK, OR, SC and WA) telah mengubal undang-undang untuk memastikan terapi alternatif mudah didapati oleh pengguna.

Menurut buku 'The Ion Effect', ion-ion negatif berkesan terhadap alahan, asma, catarrh, demam alahan (hay fever), sinus, eczema, lecur, emphysema, dan sebagai gantian kepada ubat penenang. Terdapat penemuan bahawa ion-ion negatif mengimbangkan zat serotonin dalam badan, ini menerangkan mengapa seseorang itu merasa lebih peka, stabil dan bertenaga dengan kehadiran ion-ion negatif. Dr Krenger telah mengenalpasti bahawa pertumbuhan bakteria, staphylococci dan kulat terbantut disebabkan kehadiran ion-ion negatif, yang membawa kepada kesan penyembuhan. Laporan Dr. I. Kombluch melalui ujikaji di Northeastern Hospital dan Frankford Hospital di Philadelphia menunjukkan bahawa 63% pesakit yang menderita demam alahan (hay fever) atau asma bronkial (bronchial asthma) "telah mengalami sebahagian atau kelegaan sepenuhnya" disebabkan menjalani terapi ion negatif. Kajian Rusia pula mendedahkan bahawa ion positif (bukan ion negatif) yang menyebabkan gangguan pernafasan dan ion-ion negatif meneutralkan ion-ion positif.

3. **Sinar Infra Merah.** Hampan tenaga sistem MedicSPA mengandungi sel-sel seramik yang memancarkan Sinar Infra Merah. Kepanasan air meningkatkan kadar pancaran Sinar Infra Merah yang kemudiannya memperbaiki kualiti air. Sinar Infra Merah menembusi jauh ke dalam tubuh badan, secara perlahan menaikkan suhu permukaan badan dan mengaktifkan fungsi utama anggota tubuh:
 - a) Sinar Infra Merah mengembangkan kapilari darah seterusnya menggalakkan peningkatan pengaliran darah, regenerasi, kitaran bendalir dan penambahan oksigen.
 - b) Sinar Infra Merah sangat baik untuk penyahtoksifikasi. Dalam penggunaan Sinar Infra Merah untuk merawat saluran kapilari tersumbat, haba mengembangkan kapilari dan memulakan proses pelarutan toksik yang tersembunyi.
 - c) Sinar Infra Merah merangsang aktiviti enzim dan metabolisme.
 - d) Sinar Infra Merah menggalakkan pemusnahan kebanyakan patogen (penyebab penyakit) bakteria, virus, kulat dan parasit.
 - e) Sinar Infra Merah menggalakkan pembinaan semula tisu yang tercedera dengan mewujudkan kesan positif ke atas fibroblasts (sel-sel tisu perantara untuk memulihkan kecederaan).
 - f) Sinar Infra Merah menguatkan Sistem Imun dengan merangsang penambahan penghasilan sel-sel darah merah (leukocytes) oleh sumsum tulang dan T-cells oleh timus (thymus).
 - g) Sinar Infra Merah meringankan ketegangan saraf dan merehatkan otot pergerakan saraf (autoneuro) seterusnya membantu tubuh memaksimumkan kebolehnya untuk membaikpulih.

Lima Kebaikan Spa Peribadi (Home Spa) MedicSPA

Berdasarkan ujikaji yang dikendalikan di Jepun, mandian ultrasonik selama 15 minit (spa peribadi ultrasonik) dapat memberi 5 kebaikan pada tubuh:

1. *Pemanasan dalaman;*
2. *Urutan badan menyeluruh;*
3. *Pembersihan menyeluruh;*
4. *Senaman & santai;*
5. *Pencerahan & pelangsingan.*

1. Pemanasan Dalaman

Seperti yang diuji oleh J.P. Industry University, penyerapan ultrasonik dalam tulang ialah 13%, otot 3.3% dan dalam air 0.0022%. Tubuh badan kita mengandungi 66% air, oleh itu ianya boleh ditembusi dan dipanaskan dengan cepat. Sama seperti telur yang direbus di kolam air panas, bahagian kuning telur masak lebih cepat dari bahagian putih telur. Dengan kepanasan 38°C, haba semasa mandian ultrasonik sampai ke tulang dalam kira-kira 10 minit dan meluas hingga ke luar (mandi dalam suhu air normal 42°C mengambil masa 90 minit untuk mencapai kesan yang sama). Rendaman dalam mandian ultrasonik segera memanaskan tubuh dari dalam, meningkatkan kadar metabolisma sama seperti mandian di kolam air panas. Ianya membantu mengembangkan saluran darah, meningkatkan peredaran darah, pembentukan darah dan sel darah (hematopoiesis) serta penentangan terhadap penyakit. Bentuk hidroterapi ini menggalakkan rembesan hormon, menguatkan fungsi reproduktif organ dan meningkatkan kualiti hidup berkeluarga.

2. Urutan Badan Menyeluruh

Ribuan buih-buih kecil bertenaaga menekan dan merangsang keseluruhan tubuh setiap saat memberi kesan urutan kepada 320 titik akupunktur diseluruh tubuh. Meringankan ketegangan dan keletihan, merehat dan menstabil, mengurut tulang belakang dan menggalakkan penghasilan sel darah merah, darah putih, dan lain-lain, sama seperti menjalani "akupunktur hidro". Organ dalaman dirangsang, peredaran darah dan lymph dipermudahkan dan otot-otot direhatkan. Dengan memberi urutan keseluruhan tubuh badan, rawatan ini dapat membakar lemak, menyingkirkan lebihan tisu, mencantikkan payu dara, membentuk tubuh dan menimbulkan perasaan yakin kepada penggunanya.

3. Pembersihan Menyeluruh

Buih-buih bertenaaga tinggi membersihkan 1.5 juta kapilari di kulit, memberi khasiat yang hebat. Membenarkan tisu kulit bernafas degan baik. Tubuh menjana 0.05 meter persegi kotoran setiap hari. MedicSPA mengambil masa lebih kurang 5 minit untuk menanggalkan kotoran berminyak dan penggunaan berterusan selama 1 minggu dapat melengkapkan keseluruhan proses pembersihan.

4. Senaman & Santai

Mandian ultrasonik menghasilkan 10,000~15,000 mikro-getaran per saat (menggunakan tenaga tekanan 1.5kgf/cm² ke atas kulit), memberi kesan senaman yang lengkap. Pakar percaya kesan mandian ultrasonik selama 15 minit bersamaan larian sejauh 3 hingga 5 km. Senaman pasif yang amat berkesan. Ia juga bertindak sebagai mesin senaman untuk orang-orang yang sentiasa sibuk.

5. Pencerahan & Pelangsingan

Menanggalkan sel-sel kulit mati dan kehadiran ozon membasmi kuman serta mencerahkan kulit. Setiap minit jutaan buih-buih memberikan rawatan kecantikan yang menyamai piawaian pelangsingan secara profesional kepada setiap inci kulit anda. Setelah menggunakannya selama 15 minit, 300-400 kalori terbakar – cara mudah untuk mendapatkan warna kulit yang lebih cerah dan tubuh yang lebih langsing.